

R B591 DEB

MAHATHIR-PERKHIDMATAN AWAM

1984

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA)--/ DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU PROSEDUR USANG DALAM PERKHIDMATAN AWAM DIHAPUSKAN MANAKALA KAKITANGANNYA PULA PERLU MEMPUNYAI KESANGGUPAN DAN KEMAMPUAN UNTUK MENGANALISIS PERASAAN DAN KESUSAHAN ORANG RAMAI DENGAN TUJUAN UNTUK MENGATASINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM HARUS INSAF BAHAWA KELAYAKAN, ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BELUM DAPAT MENJAMIN SESEORANG ITU AKAN MENJADI KAKITANGAN KERAJAAN YANG BAIK.

+DALAM ANALISIS YANG AKHIR YANG MEMBEZAKAN SESEORANG ANGGOTA AWAM YANG BAIK DENGAN YANG TIDAK BAIK IALAH RASA PERI KEMANUSIAAN UNTUK BERKHIDMAT KERANA SEDAR DAN INSAF AKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN KEPADANYA, + TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN KAMPUS UTAMA INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DI BUKIT KIARA DI SINI.

BELIAU MENJELASKAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA ADALAH RUMIT DAN IA TIDAK DAPAT BERJALAN DENGAN BERKESAN TANPA KEINSAFAN TENTANG PERLUNYA PROSES ITU BAGI SEMUA.

KATANYA, NALAU PUN TUGAS SESEORANG ITU KECIL, KESANNYA DIRASAI OLEH ORANG RAMAI. DAN KALAU SESEORANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM TIDAK MENJALANKAN KERJANYA DENGAN TEKUN DAN CEKAP, IA AKAN MENDATANGKAN MASALAH KEPADA ORANG LAIN, MUNGKIN MASALAH YANG AMAT BESAR.

+DI SINI HARUS DIINGATKAN BAHAWA PEGAWAI ITU SENDIRI AKAN MENJADI ORANG LAIN APABILA IA PULA BERKEHENDAKKAN KHIOMAT KERAJAAN. TENTULAH JELAS BAHAWA KHIDMAT YANG BAIK MENGUNTUNGGAN KITA SENDIRI, +

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SESEORANG ADALAH BESAR WALAU PUN PADA PANDANGAN SESEORANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MASALAH ITU KECIL. HASALAH ITU LEBIH BESAR JIKA SESEORANG ITU DAIF, BERPENDAPATAN RENDAH DAN KURANG KEHAMPUAN SERTA PENGETAHUAN; + OLEH ITU KITA BOLEH RUMUSKAN BAHAWA APA YANG DIKATAKAN PERKHIDMATAN AWAM IALAH KESANGGUPAN DAN KEMAMPUAN UNTUK MENGANALISIS PERASAAN DAN KESUSAHAN ORANG AWAM DENGAN TUJUAN UNTUK MENGATASINYA. +

DR. MAHATHIR JUGA TIDAK MAHULAGI PROSEDUR USANG SEPERTI MELEWAT-LEWATKAN KUTIPAN HASIL UMPAHANYA DILAKUKAN KERANA INI BUKAN SAHAJA MEMBANYAKKAN HUTANG NEGARA TETAPI MELAMBATKAN PROSES PEMBANGUNAN.

TEGASNYA MASA ADALAH SUMBER YANG AMAT BERTAMBAH NILAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN TIDAK HARUS HEMBIARKAN TINDAKAN-TINDAKAN DILEWAT-LEWATKAN KERANA AKHIRNYA NEGARA JUGA AKAN RUGI.

DR. MAHATHIR BERKATA: +DALAM ISLAM BUKAN SAHAJA MENYALAHGUNAKAN MASA BERDOSA, BAHKAN MEMBUANG MASA DAN MELENGAH-LENGAHKAN TINDAKAN JUGA BERDOSA.

+JIKA KITA MEMBIARKAN PROSEDUR-PROSEDUR YANG BOLEH MEMBERI KESAN KEPADA PENCAPAIAN KITA, INI JUGA BERMAKNA KITA BERDOSA. +

+KITA JUGA HARUS SEDAR BAHAWA BELANJA MEMBIAYAI PERKHIDMATAN AWAM ADALAH TINGGI, PROSES-PROSES BAGI PELBAGAI PERKHIDMATAN BEGITU PANJANG, KELULUSAN-KELULUSAN HEKANKAN MASA, KUTIPAN-KUTIPAN HASIL TERBENGKALAI ATAUPUN LEWAT DIBUAT, SEDANGKAN MASING-MASING BERTUNGKUS LUHUS MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG KECIL-KECIL. +

BELIAU PERCAYA JIKA SEMUA INI DAPAT DIATASI, WALAU PUN SESUKU SAHAJA, BUKAN SAHAJA DAYA PENGELUARAN NEGARA DAPAT DITINGKATKAN SEBANYAK 25 PERATUS MALAHAN HUTANG NEGARA DAPAT DIKURANGKAN DAN PROSES PEMBANGUNAN DAPAT DIPERCEPATKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI, KERAJAAN TELAH MENGANJURKAN BEBERAPA PENDEKATAN DAN DASAR TERMASUK SISTEM PERAKAM WAKTU DAN FAIL MEJA UNTUK MEMPERTINGKATKAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA DAN MUTU PERKHIDMATAN AWAM.

SEGALA PERUBAHAN INI DAN ORIENTASI BARU YANG DIBUAT BERTUJUAN  
UNTUK MENJAMIN KEBAHAGIAAN MASA DEPAN NEGARA DAN MUTU PERKHIDMATAN  
AWAM.

BELIAU MENANYAKAN SAMADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN  
AWAM, YANG MENJALANI LATIHAN BENAR-BENAR DAPAT MEMAHAMI ORIENTASI  
DAN FALSAFAH DI SEBALIK ORIENTASI YANG DIANJURKAN DAN SEJAUH MANA  
PULA MEREKA TELAH MEMBUAT SUMBANGAN MEREKA DALAM TUGAS SEHARIAN  
MEREKA.

+ APAKAH KEBERSIHAN MENJADI AMALAN SEHARIAN, DAN ADAKAH  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG MENGIKUTI LATIHAN DAPAT MEMBAWA  
BALIK FAIL MEJA UNTUK DIAMALKAN. ADAKAH PROSEDUR-PROSEDUR SUANG  
TELAH DIHAPUSKAN ATAUPUN MASIH DISIMPAN DAN DIRUMITKAN LAGI? +

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERKHIDMATAN AWAM ADALAH JENTERA  
PENGGERAK PEMBANGUNAN NEGARA DAN SEBAGA'I JENTERA IA MESTI BERJALAN  
DENGAN LICIN DAN BERKESAN DAN OBJEKTIFNYA MESTI DICAPAI DENGAN CARA  
YANG EFFEKTIF DALAM JANGKA MASA SESINGKAT-SINGKATNYA. --

BELIAU BERHARAPAN INTAN AKAN TERUS BERUSAHA, UNTUK MENJAMIN  
PRESTASINYA BUKAN DENGAN JUMLAH KURSUS DAN PESERTA LATIHAN-LATIHAN  
YANG DIANJURKAN TETAPI DENGAN MUTU ATAU KUALITI CARA BEKERJA,  
TINGKAH LAKU, SIKAP DAN KEMAMPUAN MENGURUS MEREKA YANG MENDAPAT  
LATIHAN.

D R MAHATHIR BERPENDAPAT INTAN HENDAKLAH MEMPERSEIMBANGKAN ASPEK  
ILMU PENGETAHUAN DENGAN ASPEK FALSAFAH DAN SIKAP BESERTA DENGAN ASPEK  
KEMAHIRAN.

KATANYA, USAHA-USAHA LATIHAN AKAN MENJADI SIA-SIA JIKA  
PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TIDAK DITERIMA DAN SETERUSNYA DIAMALKAN.

BESAR KEMUNGKINAN INI AKAN BERLAKU JIKA PARA PEGAWAI DAN ANGGOTA  
PERKHIDMATAN AWAM TIDAK DILENGKAPKAN DENGAN FALSAFAH DAN SIKAP YANG  
POSITIF DAN MEMBINA.

+ INTAN DENGAN COGANKATANYA + LATIHAN UNTUK PEMBANGUNAN + AKAN  
HANYA TINGGAL SEBAGAI HIASAN TANPA BERFUNGSI JIKA IA TIDAK DAPAT  
MENGUBAH PEMIKIRAN, GERAK-GERI DAN CARA BERTINDAK SERTA AMALI PARA  
PEGAWAI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.

+ APA YANG SAYA KATAKAN INI JUGA ADALAH TERPAKAI KEPADA SEMUA  
INSTITUSI LATIHAN DAN PELAJARAN DAN SAYA TIDAK MEMBUAT PERHATIAN INI  
KERANA INGIN MENKRITIK TETAPI KERANA IA MERUPAKAN SATU PERKARA YANG  
AKAN MENENTUKAN JAYA ATAU TIDAKNYA SESUATU PROGRAM LATIHAN. + --

BERNAMA

1353MST 2210 84

UUUU

SEGALA PERUBAHAN INI DAN ORIENTASI BARU YANG DIBUAT BERTUJUAN  
UNTUK MENJAMIN KEBAHAGIAAN MASA DEPAN NEGARA DAN MUTU PERKHIDMATAN  
AWAM.

BELIAU MENANYAKAN SAMADA PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN  
AWAM, YANG MENJALANI LATIHAN BENAR-BENAR DAPAT MEMAHAMI ORIENTASI  
DAN FALSAFAH DI SEBALIK ORIENTASI YANG DIANJURKAN DAN SEJAUH MANA  
PULA MEREKA TELAH MEMBUAT SUMBANGAN MEREKA DALAM TUGAS SEHARIAN  
MEREKA.

+ APAKAH KEBERSIHAN MENJADI AMALAN SEHARIAN, DAN ADAKAH  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG MENGIKUTI LATIHAN DAPAT MEMBAWA  
BALIK FAIL MEJA UNTUK DIAMALKAN. ADAKAH PROSEDUR-PROSEDUR SUANG  
TELAH DIHAPUSKAN ATAUPUN MASIH DISIMPAN DAN DIRUMITKAN LAGI? +

DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERKHIDMATAN AWAM ADALAH JENTERA  
PENGGERAK PEMBANGUNAN NEGARA DAN SEBAGAI JENTERA IA MESTI BERJALAN  
DENGAN LICIN DAN BERKESAN DAN OBJEKTIFNYA MESTI DICAPAI DENGAN CARA  
YANG EFFISIEN DALAM JANGKA MASA SESINGKAT-SINGKATNYA. --

BELIAU BERHARAPAN AKAN TERUS BERUSAHA, UNTUK MENJAMIN  
PRESTASINYA BUKAN DENGAN JUMLAH KURSUS DAN PESERTA LATIHAN-LATIHAN  
YANG DIANJURKAN TETAPI DENGAN MUTU ATAU KUALITI CARA BEKERJA,  
TINGKAH LAKU, SIKAP DAN KEMAMPUAN MENGURUS MEREKA YANG MENDAPAT  
LATIHAN.

DR. MAHATHIR BERPENDAPAT INTAN HENDAKLAH MEMPERSEIMBANGKAN ASPEK  
ILMU PENGETAHUAN DENGAN ASPEK FALSAFAH DAN SIKAP BESERTA DENGAN ASPEK  
KEMAHIRAN.

KATANYA, USAHA-USAHA LATIHAN AKAN MENJADI SIA-SIA JIKA  
PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN TIDAK DITERIMA DAN SETERUSNYA DIAMALKAN.

BESAR KEMUNGKINAN INI AKAN BERLAKU JIKA PARA PEGAWAI DAN ANGGOTA  
PERKHIDMATAN AWAM TIDAK DILENGKAPKAN DENGAN FALSAFAH DAN SIKAP YANG  
POSITIF DAN MEMBINA.

+ INTAN DENGAN COGANKATANYA + LATIHAN UNTUK PEMBANGUNAN + AKAN  
HANYA TINGGAL SEBAGAI HIASAN TANPA BERFUNGSI JIKA IA TIDAK DAPAT  
MENGUBAH PEMIKIRAN, GERAK-GERI DAN CARA BERTINDAK SERTA AMALI PARA  
PEGAWAI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.

+ APA YANG SAYA KATAKAN INI JUGA ADALAH TERPAKAI KEPADA SEMUA  
INSTITUSI LATIHAN DAN PELAJARAN DAN SAYA TIDAK MEMBUAT PERHATIAN INI  
KERANA INGIN MENKRITIK TETAPI KERANA IA MERUPAKAN SATU PERKARA YANG  
AKAN MENENTUKAN JAYA ATAU TIDAKNYA SESUATU PROGRAM LATIHAN. + --

BERNAMA

1353MST 2210 84

UUUU